

PBB lulus 360 tentera Malaysia sertai UNIFIL

BH-21/9/2006

PERTUBUHAN Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meluluskan penghantaran 360 anggota tentera Malaysia untuk menyertai Pasukan Sementara PBB di Lubnan (UNIFIL) dalam misi mewujudkan keamanan di negara itu.

Keputusan itu yang disampaikan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan dalam pertemuan dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Ibu Pejabat PBB di sini semalam, menamatkan teka-teki mengenai penghantaran tentera Malaysia ke Lubnan berikutan bantahan Israel sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, Annan juga memberi jaminan akan memaklumkan Kerajaan Malaysia jika PBB memerlukan anggota tambahan untuk menyertai misi berkenaan.

Abdullah berkata, daripada 360 anggota yang diluluskan itu, 160 akan menganggotai pasukan khas UNIFIL manakala selebihnya ditempatkan di Markas UNIFIL.

"Anggota pasukan khas kita ditugaskan menjaga disiplin dan memantau peranan semua pasukan pengaman pelbagai negara yang bernaung di bawah PBB di Lubnan. Mereka bertanggungjawab memastikan anggota pasukan pengaman menjalankan tugas yang diamanahkan dengan betul.

"Keputusan itu sudah dimaklumkan kepada Kementerian Pertahanan dan penghantaran mereka boleh dibuat secepat mungkin," katanya

yang berada di sini untuk menghadiri Perhimpunan Agung PBB ke-61 bermula semalam.

Sebelum ini, Israel membantah penyertaan Malaysia dalam misi PBB di Lubnan atas alasan tiada hubungan diplomatik dengan Tel Aviv.

Berikutan itu, Abdullah secara peribadi menghubungi Annan, awal bulan ini, untuk menyatakan hasrat dan kesediaan Malaysia menyertai misi berkenaan walaupun tidak dipersetujui Israel.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Laksamana Tan Sri Mohd Anwar Mohd Noor, berkata pihaknya menunggu masa sesuai untuk menghantar pasukan ke Lubnan apabila diarahkan kerajaan.

Beliau berkata, ATM akan menghantar pasukan pengaman baru ke Lubnan walaupun sebelum ini sudah menyiapkan 1,000 anggota pasukan 4 Briged Mekanis, berikutan berlaku perubahan rancangan.

"Sebelum ini kita jangka ATM ditempatkan di medan, tetapi berdasarkan anggota yang diminta, mungkin kami akan ditempatkan di pangkalan PBB di sana," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengikut rancangan asal, Mohd Anwar berkata, penghantaran pasukan itu didahului dengan kenderaan berperisai diikuti kelengkapan lain dan anggota daripada 4 Briged Mekanis.

"Sama ada kita menghantar kenderaan, kereta perisai ke sana bergantung kepada PBB. Jika mereka tidak sediakan kenderaan, ATM akan hantar, tetapi jika kemudahan itu disediakan di sana, kita akan hantar anggota saja," katanya.